

Syarikat perkapalan kontena Taiwan pula tinggalkan Singapura

UM 17 JAM 2002

SINGAPURA 16 Jan. — Sebuah lagi syarikat perkapalan kontena terkemuka, Evergreen Marine Corporation (Evergreen) dari Taiwan mengikuti langkah syarikat kontena Maersk memindahkan operasi pindah muatannya dari Pelabuhan Singapura ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor.

Tindakan Evergreen itu dilihat sebagai satu lagi tamparan kepada PSA Corporation, pengendali pelabuhan Singapura, selepas Maersk dari Denmark meninggalkan negara pulau itu pada tahun 2000.

Sebaliknya, ia akan meningkatkan pengendalian kontena kargo PTP sehingga melebihi 2 juta TEU (unit bersamaan 20 kaki) setahun memandangkan Evergreen mengendalikan 1.2

juta TELJ kontena kargo di pelabuhan Singapura setiap tahun.

Jurucakap PTP ketika dihubungi malam ini berkata, langkah Evergreen itu akan menjadikan pengendalian kontena kargo di pelabuhan itu akan meningkat sebanyak 50 peratus.

Tindakan Evergreen itu juga menyaksikan Singapura akan kehilangan kira-kira 7 peratus daripada kira-kira 17.4 juta TEU kontena kargo yang dikendalikan setiap tahun.

Evergreen pula akan dapat menjimatkan kos operasinya sehingga RM22 juta setahun ekoran perubahan itu, kata sumber PTP lagi.

Langkah Maersk, yang menguasai 30 peratus pegangan dalam PTP, beralih ke PTP dua tahun lepas telah pun mengga-

lakan prestasi PTP tahun lepas kepada 2.05 juta TEU berbanding 480,000 TEU dalam tahun 2000.

Pengerusi Kumpulan Evergreen, Chang Yung-Fa mengesahkan mengenai pemindahan itu dalam satu temu bual dengan pemberita Jepun menerusi Shipping Times baru-baru ini, seperti yang dilaporkan oleh Bernama hari ini.

Persaingan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengulas perkembangan itu berkata, Singapura perlu menerima persaingan sehat dalam perdagangan dengan negara-negara lain termasuk Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia juga berada di lokasi yang strategik

seperti Singapura dan akan menggunakan kelebihan itu untuk memajukan negara.

Menurutnya lagi, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia akan terus dimajukan termasuk memastikan kesemua pelabuhannya mencapai kemajuan yang disasarkan.

"Kita mahu memaju dan membangunkan semua pelabuhan kita dan bukan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) sahaja. Kita juga strategik seperti Singapura," katanya selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor hari ini.

Dr. Mahathir berkata, Singapura perlu menyedari bahawa kemajuan teknologi terutama

■ Lihat muka 4

Syarikat perkapalan kontena Taiwan pula tinggalkan Singapura

dalam industri perkapalan telah turut menjadikan Malaysia sebagai salah satu lokasi pelabuhan yang strategik.

"Dulu, Singapura lebih strategik daripada Malaysia kerana terletak di hujung Semenanjung tetapi hari ini kapal boleh bergerak dengan lebih pantas dan boleh sampai ke mana-mana destinasi dengan lebih cepat," katanya.

Berikutan itu, tegasnya, tidak ada sebab yang boleh menghalang Malaysia, daripada menjadi pangkalan kepada perdagangan kapal di rantau ini.

"Itu yang kita mahu buat tetapi sudah tentu kita akan bersaing secara sehat dengan Singapura," jelas Dr. Mahathir.

Chang dalam temu bual dengan Shipping Times seperti yang dilaporkan oleh Bernama berkata: "Kami secara rasminya telah memutuskan mengenai pemindahan itu.

"Bayaran di Tanjung Pelepas adalah 50 peratus lebih rendah daripada yang dikenakan di Singapura. Setiap tahun syarikat kami mengendalikan kira-kira 1.2 juta TEU kontena k&go di Singapura, jadi perbezaan antara kedua-dua pelabuhan itu berjumlah sehingga mencecah TN\$200 juta atau lebih."

Menurut Shipping Times lagi, delegasi tertinggi dari pihak berkuasa pelabuhan Singapura (PSA) telah ke Taipei untuk melakukan cubaan menghalang pemindahan berkenaan.

Keputusan

Evergreen dan PTP dikatakan telah menandatangani memorandum persefahaman bagi pemindahan itu yang dijadual akan dilaksanakan menjelang Ogos ini, selepas pejanjian terminal virtualnya dengan PSA tamat tempoh.

Keputusan Evergreen itu dilihat sebagai mengikut jejak langkah pengendali kontena Maersk yang berpindah ke PTP dua tahun lepas.

Perkembangan terbaru itu akan memberikan tamparan hebat kepada PSA yang sudah pun kehilangan 10 peratus daripada jumlah kontena yang dikendalikan tahun lepas berikutan penarikan diri Maersk dan kelembapan ekonomi dunia.

Maersk, dengan pengendalian tahunan TEU sebanyak 1.8 juta, merupakan pelanggan terbesar PSA.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) antara Singapura dengan Jepun, Dr. Mahathir berkata, kerajaan Singapura telah dimaklumkan bahawa FTA tersebut tidak boleh melibatkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

"Dalam kata lain, kalau mereka dapat membeli barangan yang murah dan hendak mengesport semula ke Malaysia, itu tak boleh. Barangan dari Malaysia dan negara ASEAN yang lain termasuk Singapura yang masuk ke Singapura juga tidak boleh dieksport semula," jelasnya.

Mengenai bon berdaulat, Dr. Mahathir berkata, pada masa ini, tidak ada sebarang cadangan untuk menerbitkan bon yang baru.